

Soalan No: 51

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK  
[LUBOK ANTU]**

**TARIKH : 27.7.2017**

**SOALAN :**

**Datuk William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kenapa sebanyak 9 buah sekolah rendah kerajaan di kawasan Parlimen Lubok Antu masih menggunakan set generator untuk bekalan elektrik sedangkan bekalan elektrik 24 jam melalui grid daripada Sarawak Energy Sdn Bhd ada melintasi sekolah-sekolah berkenaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha agar semua sekolah mendapat bekalan elektrik yang sempurna dan mencukupi termasuklah di Parlimen Lubok Antu. KPM juga sedang menyemak dan mengkaji bagi tujuan penyediaan peruntukan untuk kerja-kerja penyambungan bekalan elektrik dari grid ke sekolah yang masih menggunakan generator untuk bekalan elektrik di seluruh negara termasuk negeri Sarawak.